



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 16 JANUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	APMM RAMPAS 21 BUBU NAGA DI PERAIRAN KUJALA PERLIS, NEGERI, SH -33 260 KILOGRAM BENIH KERANG DIRAMPAS, SINAR NEGERI KEDAH, SH -32	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4. 5.	LEMONGRASS STRAWS TO REPLACE PLASTIC STRAWS, NEWS IN BRIEF, NST -12 SYOR GUNA STRAW SERAI, LOKAL, HM -15 HUSAM CADANG HOSPITAL GUNA STRAW SERAI, MALAYSIA KINI -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
6. 7.	MADA SIAP SEDIA LAKUKAN PEMBENIHAN AWAN, ASTRO AWANI -ONLINE KEDAH SIAP SEDIA LAKSANA PEMBENIHAN AWAN, NASIONAL, BH -4	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8. 9. 10. 11. 12.	2 EMPANGAN PULAU PINANG KRITIKAL, NASIONAL, BH -4 NELAYAN HANYA PEROLEHI IKAN 10KG, NEGERI, HARAKAH -N17 PENGKULTURAN PLANKTON, TINGKAT HASIL TERNAKAN IKAN, INOVASI, BH -8 PELADANG HASILKAN NANAS COBEK, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -19 PRODUCING MORE AGRIPRENEURS, NST -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	33

APMM rampas 21 bubu naga di perairan Kuala Perlis

KUALA PERLIS - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Perlis merampas 21 bubu naga yang dipasang di tiga lokasi berbeza sekitar 0.6 hingga 1.1 batu nautika dari barat laut Kuala Perlis kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Nurulazme Zakaria berkata, penemuan bubu naga itu kira-kira jam 2.30, 3 dan 3.30 petang di perairan Kuala Perlis itu merupakan rampasan pertama bagi Zon Maritim Kuala Perlis pada tahun ini.

"Sebuah bot peronda APMM telah diaturgerakkan ke lokasi tersebut untuk

merampas bubu naga berkenaan berdasarkan maklumat orang awam. "Bubu naga berkenaan dipasang di lokasi yang menjadi lubang untuk mendapatkan hasil laut oleh nelayan tempatan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, modus operandi yang digunakan oleh nelayan berkenaan adalah dengan memasang pelampung sebagai penanda bubu naga yang ditinggalkan.

"APMM memandang serius walaupun telah banyak rampasan bubu naga dilakukan sebelum ini.

"Sikap tamak menggunakan bubu naga untuk menangkap ikan bukan sahaja menyekat rezeki nelayan tempatan malahan turut menggugat pendapatan mereka," katanya.

Beliau berkata, mereka yang melarikan kesalahan itu boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah tidak dibenarkan.

Kesemua bubu terbabit dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.

"Pihak APMM akan terus membuat

rondaan dan pemantauan di sempadan dan perairan negara dari semasa ke semasa untuk mencegah aktiviti penyeludupan, pencerobohan dan jenayah maritim yang berlaku di perairan utara Semenanjung Malaysia," katanya.

Beliau berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai sebarang kes penyeludupan dan jenayah maritim di perairan negeri ini boleh menghubungi APMM di talian 24 jam iaitu MERS 999 dan Pusat Operasi Maritim Zon Maritim Kuala Perlis di talian 04-985 1072 atau 04-985 1162. - Bernama

16/1/2020

SINAR

32

HARIAN

KEDAH

260 kilogram benih kerang dirampas

Cubaan lelaki seludup 13 goni benih kerang ke Thailand gagal

Oleh ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Cubaan seorang lelaki seludup 13 goni mengandungi 260 kilogram (kg) benih kerang bernilai lebih RM13,000 ke negara jiran gagal apabila ditahan anggota Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) Kedah kelmarin.

Komander Aksem Kedah, Abdul Latif Abdul Rahman berkata, benih kerang itu cuba seludup ke Thailand petang kelmarin namun hasil risikan pihaknya berjaya merampas bawahan tersebut selain menahan lelaki tempatan berusia 22 ta-



Abdul Latif menunjukkan benih kerang yang difasukkan ke dalam goni basah untuk diseludup ke Thailand kelmarin.

hun yang juga pemandu kereta berkenaan.

Menurutnya, sepasukan anggota Aksem tersempak dengan kereta Proton Perdana dipandu lelaki berkenaan di Kawasan Perindustrian Bukit

Kayu Hitam dalam keadaan mencurigakan dan mengekori kereta itu sehingga tiba di lampu isyarat.

"Anggota arahkan suspek berhenti namun suspek bertindak memecut laju keretanya ke

kawasan perindustrian.

"Pasukan mengejar sejauh lebih satu kilometer dan berjaya menahan suspek di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kayu Hitam," katanya pada sidang akhbar di pekarang Bangunan Kementerian Dalam Negeri (KDN) Anak Bukit di sini semalam.

Abdul Latif berkata, hasil pemeriksaan pihaknya menemui empat goni berisi benih kerang di bahagian penumpang belakang ditutup dengan kain hitam manakala sembilan goni di dalam but kereta.

"Kita percaya sindiket ini berhenti di beberapa transit sekitar kawasan ini sebelum mencari peluang untuk menyeludup masuk ke Thailand.

"Benih kerang yang diper-cayai dibawa dari perairan Perak itu mendapat permintaan tinggi dari negara jiran kerana di sana tiada pembenihan kerang secara semula jadi," katanya.

Menurutnya, pihaknya percaya suspek yang bekerja kam-pung hanya mengambil upah daripada pihak ketiga untuk membawa benih kerang berkenaan yang dipercayai dibawa dengan lori sebelum ditransit ke kenderaan bagi mengaburi pihak berkuasa.

"Kemungkinan benih kerang yang dimasukkan dalam goni basah itu lebih tiga hari perjalanan kerana ada benih yang sudah pun mati. Kes ini merupakan tangkapan pertama untuk tahun ini," katanya.

Abdul Latif berkata, barang rampasan dan suspek akan diserahkan kepada Jabatan Perikanan untuk tindakan lanjut.

Kes diasiat mengikut Per-kara 3(1) Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang) 2002 dan jika sabit kesalahan, boleh didenda RM20,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.

Lemongrass straws to replace plastic straws

PASIR MAS: The Kemubu Agricultural Development Authority (KADA) is advocating the use of lemongrass as drinking straws to replace plastic ones. Its chairman Datuk Husam Musa said the authority had made it mandatory for all its cafes to use lemongrass straws. "Lemongrass has 27 varieties, and is ideal as a drinking aid. We will promote its use at Universiti Sains Malaysia Hospital for members of the public or patients, because it is a natural substance. We will plant more of the crops along the slopes near the KADA drainage channels. An estimated 10,000 lemongrass plants have been planted in Kampung Padang Halban," he said. "For environmentalists, the use of lemongrass as a drinking aid is good as it reduces the use of plastic materials."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2020	HARIAN METRO	LOKAL	15



HUSAM (tengah) menunjukkan penggunaan serai sebagai penyedut minuman.

Oleh Siti Rohana Idris
cnews@nstp.com.my

Pasir Mas

Penggunaan serai sebagai penyedut minuman akan diperluaskan ke kafe hospital termasuk kepada pesakit bagi menggantikan straw plastik.

Cadangan itu dikemukakan Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Senator Datuk Husam Musa yang bersedia membekalkan serai kepada mana-mana pihak yang ingin menyahut saranan itu.

Beliau berkata, penggunaan serai sebagai penyedut minuman adalah sesuatu yang baru dan sebagai permulaan, beliau mewajibkan penggunaannya di semua kafe KADA.

"Tanaman serai mempunyai 27 jenis dan untuk penggunaan sebagai penyedut minuman, serai buleh adalah sesuai.

"Kami akan memajukan penggunaannya kepada ka-

Syor guna straw serai

KADA cadang penggunaan diperluas ke hospital

fe Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) sama ada untuk digunakan oleh orang ramai atau pesakit kerana ia adalah bahan semula jadi.

"Tanamannya juga akan diperbanyakkan iaitu di sepanjang tebing tali air KADA dan dianggarkan lebih 10,000 rumpun sudah ditanam di Kampung Padang Halban," katanya di Ladang Merdeka Senor, Pasir Mas, kelmarin.

Husam menyifatkan penggunaannya adalah dua dalam satu kerana lapisan luar saja dijadikan penyedut minuman manakala isi dalamnya dijadikan bahan masakan seperti biasa.

Katanya, beliau akan membuat surat rasmi kepada pihak HUSM, Kubang Kerian untuk kemukakan cadangan itu dalam masa terdekat memandangkan bekalan serai sangat banyak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2020	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Husam cadang hospital guna straw serai



Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada), Senator Husam Musa mencadangkan penggunaan serai sebagai penyedut minuman (straw) dan ini dimulakan di hospital kerajaan.

Malah, katanya, beliau juga bersedia membekalkan tanaman serai kepada mana-mana pihak yang ingin menyahut saranan berkenaan.

Menurutnya, penggunaan straw daripada serai adalah sesuatu yang baru dan sebagai permulaan, Kada mewajibkan penggunaan itu di setiap kantin pejabat Kada dan mencadangkan penggunaannya di hospital.

"Tanaman serai mempunyai 27 jenis dan untuk penggunaan sebagai penyedut minuman, serai buluh adalah sesuai.

"Kita akan memajukan penggunaannya kepada kafe Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) sama ada untuk digunakan oleh orang ramai atau kepada pesakit sendiri kerana ia adalah dari bahan semula jadi.

"Tanamannya juga akan diperbanyakkan iaitu di sepanjang tebing tali air Kada dan dianggarkan lebih 10,000 rumpun sudah ditanam di Kampung Padang Halban," katanya kepada media di melawat Ladang Merdeka Senor, di Pasir Mas, semalam.

Husam berkata selain dijadikan sebagai straw, penggunaan serai buluh juga boleh dijadikan bahan masakan seperti biasa.

Sehubungan itu, pihaknya akan membuat surat rasmi kepada HUSM bagi cadangan itu dalam masa terdekat memandangkan bekalan serai sangat banyak.

"Bagi pencinta alam sekitar, inisiatif serai sebagai penyedut minuman ini amat bagus kerana dapat mengurangkan penggunaan bahan plastik khususnya straw plastik," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

MADA siap sedia lakukan pembenihan awan



MUKHRIZ: Kita dalam keadaan bersedia sebenarnya, kalau nampak awan yang jenis boleh dibeih, kita akan terus buat. - Gambar fail ALOR SETAR: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah bersiap sedia untuk melaksanakan pembenihan awan dan hanya menunggu keadaan awan yang sesuai untuk berbuat demikian bagi menangani masalah cuaca panas dan kering yang melanda Kedah sejak November lepas.

Pengerusi MADA Datuk Seri Mukhriz Tun Dr Mahathir berkata lembaga itu yang bertanggungjawab menguruskan pertanian di negeri ini sebenarnya telah bersedia sejak November lalu namun keadaan awan sehingga kini masih tidak mengizinkan untuk berbuat demikian. "Kita menunggu sebenarnya, kita tengok hari ini pun langit biru, memang cantik mata memandang, tetapi langit biru ini tak boleh buat

pembenihan. Maksudnya, kita kena tunggu awan mencukupi baru proses pembenihan itu akan dilakukan.

"Kita dalam keadaan bersedia sebenarnya, kalau nampak awan yang jenis boleh dibeih, kita akan terus buat...hari itu bulan 11 kita dah sedia pun tetapi sebab cuaca yang ada itu memang tak kondusif, tak sesuai untuk pembenihan," katanya pada sidang media selepas berjumpa wakil badan bukan kerajaan (NGO) Masyarakat Cina di Wisma Darul Aman di sini pada Rabu.

Dalam pada itu, Mukhriz yang juga Menteri Besar Kedah berkata paras air di semua empangan di negeri ini menunjukkan pengurangan susulan keadaan cuaca panas ketika ini.

"Dah ada (penduduk) kawasan sekitar Kedah ini yang mengadu bekalan air dah berkurangan. Jadi saya juga minta supaya kawasan yang ada air berjimatlah, jangan guna terlampau banyak air," katanya.

Sementara itu, Mukhriz berkata beliau telah mendapat perkenan Sultan Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah hari ini untuk mengarahkan semua masjid di negeri ini mengadakan Solat Sunat Istisqa pada Jumaat ini bagi memohon doa diturunkan hujan.

"Kita doakan agar kita akan menerima hujan yang akan bantu meningkatkan bekalan air," katanya.

Kedah siap sedia laksana pembersihan awan

Alor Setar: Paras air di tiga empangan utama di negeri ini semakin berkurangan dengan kapasiti Empangan Muda hanya berada pada kadar 17.88 peratus, semalam.

Pengurus Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Fouzi Ali, berkata kapasiti air Empangan Ahning sebanyak 62.48 peratus dan Empangan Pedu sebanyak 47.6 peratus bagaimanapun masih mampu dilepaskan untuk kegunaan pertanian dan domestik.

Katanya, pada minggu lalu, peratusan air di Empangan Muda adalah pada kadar 26.72 peratus, Empangan Ahning (64.47 peratus) dan Empangan Pedu (50.18 peratus).

"Terdapat penurunan peratusan jumlah air terkawal dan MADA masih boleh melakukan pelepasan harian sebanyak 113 meter padu sesaat bagi menampung keperluan penanaman padi dan domestik," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir pada sidang media di Wisma Darul Aman semalam, berkata kerajaan negeri sudah bersiap sedia melakukan pembersihan awan sekiranya keadaan awan dan cuaca kondusif untuk proses berkenaan.

"Persediaan untuk pembersihan awan sudah dilakukan sejak November lalu, namun keadaan tidak mengizinkan kerana kita perlu menunggu sehingga awan mencukupi.

"Kita juga dimaklumkan ada kawasan dilaporkan mengalami kekurangan bekalan air; jadi kita minta kawasan yang ada air, ber-



Persediaan untuk pembersihan awan sudah dilakukan sejak November lalu, namun keadaan tidak mengizinkan kerana kita perlu menunggu sehingga awan mencukupi.

Mukhriz Mahathir,
Menteri Besar Kedah

jimatliah dan jangan guna terlalu banyak air dalam musim kemarau," katanya.

Mukhriz berkata, kerajaan negeri juga sudah mendapat perkenan Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah untuk meminta kerjasama semua masjid mengadakan solat sunat Istisqa pada Jumaat ini bagi memohon hujan.

"Kita doakan supaya dapat menerima hujan yang akan membantu meningkatkan bekalan air ke seluruh negeri," katanya.



Paras air di Empangan Teluk Bahang (atas) dan Empangan Air Itam susut mendadak akibat musim kemarau yang melanda ketika ini. (Foto BERNAMA)

2 empangan Pulau Pinang kritikal

Kejadian terburuk dalam sejarah, PBAPP mohon pengguna lebih berjimat

Oleh Siti Sofia Md Nasir
siti.sofia@bh.com.my

Georgetown: Dua empangan di Pulau Pinang merekodkan paras air pada tahap kritikal, yang terburuk dalam sejarah negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Datuk Jaseni Maidinsa, berkata sehingga semalam, Empangan Air Itam merekodkan kapasiti efektif 62 peratus, manakala Empangan Teluk Bahang pula 39.5 peratus.

"Sejak November lalu, PBAPP sudah meminimumkan pelepasan air mentah dari Empangan Air Itam dan Empangan

Teluk Bahang.

"Bagi memenuhi permintaan bekalan air ketika musim perayaan, PBAPP mengoptimalkan pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air Sungai Dua di tanah besar dan mengepam lebih banyak air terawat ke Pulau Pinang," katanya pada sidang media di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Menteri merangkap Pengerusi PBAPP, Chow Kon Yeow dan EXCO Kesihatan, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Dr Afif Bahardin.

Jaseni berkata, bagi mengelakkan catuan air atau pembekalan air berjadual, PBAPP memohon kerjasama dan sokongan penduduk Pulau Pinang supaya menggunakan air secara berhemah.

Ditanya kemungkinan PBAPP melaksanakan kaedah pembersihan awan, Jaseni berkata, proses itu akan dibuat sekiranya kapasiti efektif empangan mencapai 30 peratus.

"Biasanya, empangan di Pulau Pinang akan penuh 100 peratus pada setiap penghujung Disember atau ketika perayaan Krismas, tetapi tahun ini ia tidak berlaku.

"Kita juga menjangkakan perkara ini akan berlarutan sehingga April hadapan," katanya.

Sementara itu, Dr Afif berkata, sebanyak 1,600 hektar kawasan tanaman padi di Pulau Pinang terjejas akibat kekurangan sumber bekalan air dan faktor kemarau.

Katanya, masalah itu memberi kesan kepada lebih 800 pesawah di Seberang Perai yang kini sedang menunggu padi mencapai usia matang.

"Kebanyakan padi sekarang sudah berumur 70 hingga 80 hari dan memerlukan banyak air untuk bercambah dan dituai hasilnya. Bagaimanapun, saya sudah pun arahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri untuk membawa pam tambahan dari Kedah bagi membantu petani di sini," katanya.

Ibadat & Fadilat

Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kekusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan dari yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahannya." (Hadis riwayat al-Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:13	1:31	4:52	7:23	8:37
Alor Setar	6:13	1:30	4:51	7:23	8:37
P. Pinang	6:12	1:30	4:53	7:25	8:38
Ipoh	6:09	1:28	4:51	7:24	8:37
Kuala Lumpur	6:13	1:25	4:48	7:23	8:37
Shah Alam	6:13	1:25	4:48	7:23	8:37
Johor Bahru	6:01	1:17	4:40	7:17	8:30
Kuantan	6:06	1:20	4:43	7:18	8:31
Seremban	6:09	1:24	4:47	7:22	8:36
Bandar Melaka	6:08	1:23	4:46	7:22	8:36
Kota Bharu	6:00	1:23	4:44	7:16	8:26
K. Terengganu	6:00	1:19	4:41	7:14	8:27
Kota Kinabalu	6:09	12:27	3:49	6:21	7:33
Kuching	5:36	12:52	4:15	6:52	8:05

Nelayan hanya perolehi ikan 10 kg

Oleh **NOOR SARA MASHITOH**

KUALA PERLIS: Musim kemarau yang melanda utara semenanjung sejak akhir November lepas memberi kesan terhadap hasil tangkapan nelayan di negeri ini.

Mereka memberitahu hasil tangkapan turun mendadak berbanding sebelum ini.

Malah di pelantar ikan di Kuala Perlis banyak bot nelayan kelihatan tersadai di muara sungai kerana tidak dapat turun ke laut kerana perairan cetek.

Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan-nelayan Pantai Malaysia (JARING) Musa Safar berkata, sekarang nelayan hanya memperolehi kira-kira 10 kilogram hasil tangkapan sahaja.

Sedangkan katanya sebelum ini nelayan memperolehi 200 kilogram ikan setiap kali turun ke laut.

"Hasil tangkapan merosot teruk. Ada nelayan terpaksa berkongsi bot bagi menjimatkan kos minyak.

"Kemosrotan hasil perikanan berlaku sejak dua bulan lalu menyebabkan jumlah nelayan di Kuala Perlis sekarang hanya tinggal 200 orang berbanding sebelum ini 1,600 orang,"



Keadaan muara sungai yang semakin cetek.

katanya ketika ditemui di jeti Kampung Bahagia baru-baru ini.

Seorang nelayan di Kurung Tengar Alias Harun berkata, mereka hanya boleh turun ke laut selepas air sungai naik sekitar jam 10 hingga 11 pagi sahaja.

"Kadang-kadang jam 6 pagi, kami dah bersiap nak turun ke laut tetapi bot tidak

dapat bergerak kerana air sungai yang cetek.

"Jadi kami berharap kerajaan dapat mendalamkan sungai bagi memastikan nelayan dapat bergerak ke laut mencari rezeki seawal pagi," katanya.

Manakala tinjauan *Harakah* di pasar di sini mendapati ikan kembung dijual pada harga RM13 sekilogram.



Musa Safar



Alias Harun

Pengkulturan plankton, tingkat hasil ternakan ikan

Kuala Lumpur: Sekumpulan penyelidik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) giat mengusahakan inisiatif bagi membantu komuniti penternak ikan hiasan dan penggiat industri akuakultur dalam usaha penghasilan serta pengkulturan makanan hidup (plankton) bagi peringkat awal ikan ternakan.

Penyarah Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM) UMT, Dr Wan Nurul Nadiyah Wan Rasdi yang mengetuai kumpulan penyelidik itu berkata, terdapat pelbagai spesies plankton yang boleh dikultur sendiri oleh penternak ikan antaranya *Copepods* dan *Moina*, sebagai satu sumber protein yang baik untuk ikan.

Beliau berkata, pengkulturan plankton itu adalah satu alternatif pada alternatif serta pilihan makanan tambahan bagi ikan yang diternak oleh penggiat industri akuakultur tempatan.

"Inisiatif ini mendapat sambutan yang amat baik dalam kalangan penternak ikan hiasan dan penggiat industri akuakultur tempatan. "Penternak ini berjaya menghasilkan serta mengkulturkan plankton *Copepods* dan *Moina* tanpa menggunakan kos yang tinggi

INFO

COPEPODS DAN MOINA

- Adalah satu daripada spesies plankton yang banyak ditemui di perairan dan organisma terpenting dunia dalam sistem rantaian makanan ekosistem marin.
- Kaya dengan nutrisi, menjadi sumber protein dan banyak dimanfaatkan dalam industri akuakultur sebagai makanan untuk anak ikan.

sekali gus mampu menjimatkan kos sehingga 50 peratus daripada pendapatan mereka sebulan bagi tujuan pembelian makanan ikan," katanya.

Seramai 40 penternak ikan hiasan dan penggiat industri akuakultur di sekitar Terengganu serta Pahang terlibat dalam inisiatif yang dianjurkan UMT sejak awal 2018.

Wan Nurul Nadiyah berkata, penyelidikan itu turut mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan (KPM) yang memperolehi dana di bawah Skim Geran



Wan Nurul Nadiyah ketika menjalankan penyelidikan di Hatcheri UMT.



Anatara plankton yang dijadikan makanan ikan.

Program Pemindahan Ilmu (KTP) bagi tujuan penyampaian ilmu di universiti untuk peningkatan kesejahteraan komuniti.

"Memerusi geran KTP, kita bekerjasama dengan satu industri akuakultur di Kuantan, iaitu Kembang Subur Sdn Bhd bagi mengaplikasikan kultur plankton sebagai sumber protein yang baik

untuk ternakan udang dan ikan di industri berkenaan. "Selain itu, penghasilan dan pengkulturan plankton sebagai makanan ikan ini turut menarik minat ramai penggiat industri akuakultur di negara Asia lain antaranya Singapura," katanya.

Melalui Institut Akuakultur Singapura, Bengkel Copepods 101

diadakan pada 20 Disember lalu dan Wan Nurul Nadiyah Wan Rasdi dijemput sebagai seorang panel untuk memberikan pandangan dan perkongsian ilmu mengenai pengkulturan plankton dan penggunaan *Copepods* sebagai makanan hidup berpotensi untuk ikan kepada lebih 20 peserta dari industri akuakultur Singapura.

Peladang hasilkan nanas cobek

Seorang peladang di Tumpat berjaya menghasilkan tanaman nanas bairmler atau nanas cobek (cubit) pertama di Malaysia

Oleh ADILA SEARINNI WAHID

TUMPAT

Minat terhadap variasi dalam bidang pertanian membeberikan inspirasi kepada seorang peladang tunggal berjaya menghasilkan tanaman nanas bairmler atau nanas cobek (cubit) pertama di Malaysia.

Tanaman nanas seluas 11.2 hektar itu diusahakan oleh Mohd Alida' em Ibrahim, 46, di Kampung Pulau Kerbau, Kampung Laut di sini.

Beliau berkata, ladang nanas itu diusahakan sejak Ogos 2018 dan telah membuahkan hasil nanas cobek pertama negara.

"Teknik penanamannya sama seperti nanas biasa jenis MD2 dan Madu Kaca iaitu memerlukan tempoh masa antara setahun sehingga setahun setengah untuk masak.

"Cara penajaan juga sama dengan penanaman nanas biasa yang tidak memerlukan air yang banyak tetapi bezanya, nanas cobek mempunyai kulit yang rapuh dan boleh dicobek-cobek untuk dimakan," katanya

kepada *Sinar Harian* di Ladang Daimler di sini baru-baru ini.

Menceritakan bagaimana timbul idea untuk mengusahakan nanas cobek itu, Mohd Alida' em berkata, dia suka mencuba pelbagai perkara baharu dalam bidang pertanian dan sebelum ini pernah menanam betik hibrid serta pisang.

"Saya minat dalam bidang tanaman dan mencuba pelbagai variasi pertanian untuk dipasarkan. Terbaharu, nanas cobek ini yang boleh dimakan tanpa mengupas kulit berbanding nanas biasa yang lebih rumit untuk membuah kulitnya.

"Pada percubaan pertama, saya menanam nanas ini di tanah bersebelahan rumah seluas 0.2 hektar dan ia membuahkan hasil.

"Kini saya mempunyai sebanyak 68,000 anak pokok nanas tanaman kali kedua di tanah seluas 11.2 hektar," katanya.

Mohd Alida' em berkata, semua anak pokok itu dijangka membuahkan hasil pada awal



Mohd Alida' em menunjukkan variasi nanas cobek yang boleh dikupas dengan hanya menggunakan tangan disebabkan kerapuhan juis yang banyak.

pada bahagian mata untuk memakannya.

"Rasanya yang manis menyebabkan nanas jenis ini tidak dapat permintaan tinggi dari pada penggemar nanas, ditambah pula dengan kelainannya yang mudah untuk di-

makan, selain mempunyai juis yang banyak.

"Pada peringkat permulaan, buah nanas cobek dijual dengan harga RM110 sekilogram dan ia mempunyai gred A, B dan C bergantung kepada saiz buah," katanya.



Mohd Alida' em (dua dari kiri) menunjukkan isi nanas yang dicubit daripada buah nanas cobek.



Taman nanas cobek hasil ladang yang diusahakan Mohd Alida' em di Kampung Pulau Kerbau, Tumpat dijangka membuahkan hasil pada awal tahun depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2020	NST	ONLINE	

Producing more agripreneurs



(Second row) Universiti Putra Malaysia (UPM) Board of Directors chairman Tan Sri Dr Ghauth Jasmon (eighth from right), UPM Agriculture Faculty dean Professor Dr Abdul Shukor Juraimi (seventh from right) and Programme coordinator and UPM Agriculture Faculty fellow Sahbani Saimin (fifth from right) at the 2019 UPM Agripreneur Incubation Programme closing ceremony. - NSTP/Rosela Ismail
Young graduates who are interested in entrepreneurship should consider starting an agricultural business.

Even though they may face hurdles, such as a lack of business acumen, technical skills or access to working capital, this can be addressed by Universiti Putra Malaysia's (UPM) Agripreneur Incubation Programme.

Participant Nasuha Safirah Elias, 24, said the five-month course is filled with theories and practical know-how, and with an allowance provided, she did not face financial difficulties in starting her business.

"It also required us to run a business project and generate sales, which provided us with hands-on experience."

Since its inception in 2012, the programme has enabled graduates to gain extensive theoretical and practical entrepreneurship skills with a monthly allowance of RM1,000 and future funding opportunities.

Run by the university's Agriculture Faculty, it aims to produce excellent agripreneurs in line with national aspiration to increase the number of young entrepreneurs.

The programme is supported by the Education Ministry, AgroBank, the National Entrepreneur Group Economic Fund (Tekun Nasional) and the Young Agripreneur Unit of the Agriculture and Agro-based Industry Ministry.



UPM Agriculture Faculty dean, Professor Dr Abdul Shukor Juraimi. UPM Agriculture Faculty dean Professor Dr Abdul Shukor Juraimi highlighted that it is the only university-run agripreneur development programme in the country.

"The Education Ministry has also recognised it as a high impact programme which has continued to achieve its targets.

"From 2012 to 2018, we recorded a total of 305 participants, of which 168 or 55 per cent have successfully become entrepreneurs. They have executed various agriculture production projects in their respective localities.

"In 2019, 29 graduates were selected to join this programme. The five-month programme ensured that the participants underwent comprehensive training and gained the right resources to become an entrepreneur.

"Participants were also trained to formulate a viable business plan, develop independence and learn technical knowledge according to their respective modules. Upon completion, they would be able to receive a special funding to pursue their projects," said Shukor.

To date, 14 companies have been set up by the programme participants.

"UPM is committed to continue this programme and we are looking into collaborating with the Youth and Sports Ministry to offer the same model to train young entrepreneurs," said Shukor.

Held for five to six months, the programme is open to all applicants aged 30 and below with a diploma as a minimum qualification.

Last year, the programme offered five modules of specialisation, namely crop planting (rockmelon fertigation); aquaculture (tilapia farming), hybrid free-range chicken farming, food management and service; and ruminant husbandry (cattle and sheep).

Nasuha, a food science and technology graduate, was determined to join the programme to grow her family business.

"My father owns a farm in Kedah, which is yet to be commercialised. I decided to take up ruminant husbandry to learn how to manage the farm and livestock, as well as its business.

"We learnt everything from grant application to marketing and business. On the practical side, we trained at a farm and learnt about animal anatomy, animal feed, waste management and handling of by-products."

For Muhammad Syahiran Hashim, 23, the programme has prepared him to start his own poultry business in Kelantan.

"Having graduated with a degree in agricultural business from UPM, I found this programme to have more in-depth focus in poultry breeding.

"It exposed me to the value chain from rearing, input supply until the product delivery," he said.

Muhammad Ashraf Ibrahim, 21, already has an agricultural project prior to enrolling in the rock melon fertigation module.

"I was involved in cucumber fertigation but I lacked the business management and marketing know-how. So, I took this opportunity to upskill. The experience enabled me to adopt a wider outlook in my agricultural business. I also learnt to market my produce in a commercial way.

"On the technical side, I learnt more about fertigation technology, which allows us to produce higher quality crops due to the accurate nutrient intake. It is automated, enabling us to save on labour. The water and fertiliser will be supplied to the plants by a set timer," said Ashraf.



Universiti Putra Malaysia Agripreneur Incubation Programme alumna and MZ Fertigasi Enterprise founder Mohd Zuhri Jusoh at his farm in Jerantut, Pahang. UPM also collaborates with the programme's alumni to expand the present participants' practical experience.

A 2014 alumna and MZ Fertigasi Enterprise founder Mohd Zuhri Jusoh said confidence is a key take-away from the Agripreneur Incubation Programme.

"Confidence is an important characteristic. When I first started out, I did not get a favourable response from the bank. But after joining this programme, I started believing in my abilities and show more commitment to the business."

For Zuhri, the programme is an excellent platform to gain a better understanding of entrepreneurship.

"It prepared us mentally and physically for the ups and downs of business. Many people have the interest, but they are not skilled enough. So you need to learn and gain more knowledge."

Post-programme, Zuhri secured a RM10,000 loan from Tekun Nasional.

"With what I have learnt, I knew how to prioritise and use the capital to grow my business. Two years ago, I bought a bigger farmland and my enterprise has expanded tremendously."

In his speech at the closing ceremony, UPM board of directors chairman Tan Sri Dr Ghauth Jasmon said: "The future of this country depends on agriculture. This is a very important programme for young entrepreneurs to create wealth and contribute to the development of the nation."

Programme coordinator and UPM Agriculture Faculty fellow Sahbani Saimin said more young graduates should enrol in this comprehensive programme.

"Looking at the market demands, we developed the syllabus in-house by drawing the expertise from the UPM Agriculture Faculty, Forestry Faculty and Food Science and Technology Faculty."

Aiming to increase the rate of successful entrepreneurs for this year's upcoming batch, Sahbani said the applications will be open beginning from Feb 3.